

8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN SIM TZE TZIN  
**KAWASAN** : BAYAN BARU  
**TARIKH** : 10 OGOS 2017  
**NO. SOALAN** : 12

**SOALAN**

Tuan Sim Tze Tzin minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan yang dilaburkan di Free Industrial Zone Bayan Lepas dari 2013 ke 2017 mengikut tahun. Berapakah pekerjaan biasa dan pekerjaan berpendapatan tinggi yang dijanakan mengikut tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2013 sehingga April 2017, sejumlah 71 projek perkilangan bernilai RM8.4 bilion telah diluluskan di Free Industrial Zone Bayan Lepas. Jumlah ini meliputi RM7.5 bilion pelaburan langsung asing dan RM830 juta pelaburan tempatan.

Pecahan pelaburan di Free Industrial Zone Bayan Lepas dari tahun 2013 ke 2017 adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
2013	124,030,779	1,013,766,961	1,137,797,740
2014	140,940,289	447,582,891	588,523,180
2015	285,009,381	417,032,784	702,042,165
2016	53,162,010	669,817,396	722,979,406
Januari hingga April 2017	226,964,246	4,974,881,541	5,201,845,787
<b>Jumlah</b>	<b>830,106,705</b>	<b>7,523,081,573</b>	<b>8,353,188,278</b>

Bagi tahun 2013 hingga April 2017, sejumlah 9,385 peluang pekerjaan telah dijana di Free Industrial Zone Bayan Lepas. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,511 pekerjaan berpendapatan tinggi iaitu pendapatan berjumlah RM5,000 ke atas dan 7,874 pekerjaan biasa atau RM5,000 ke bawah telah disediakan.

Antara kategori pekerjaan berpendapatan tinggi adalah seperti di peringkat Pengurusan, Teknikal dan Penyelia serta Pekerja Mahir manakala bagi kategori pekerjaan berpendapatan biasa adalah seperti Pengendali Mesin dan Pemasangan.

Sekian, terima kasih

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @  
NYALLAU ANAK BADAK  
[LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 13**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengapakah perlaksanaan naik taraf bekas jalan balak dari Simpang Sebeliau ke Ng. Uyau belum lagi dilaksanakan hingga sekarang.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Bekas Jalan-Jalan Balak Negeri Sarawak (Fasa 4), Bahagian Sri Aman yang melibatkan jajaran daripada Sebeliau ke Uyau sepanjang 27km sedang dalam peringkat akhir rekabentuk dan surat setuju terima (SST) kepada kontraktor yang berjaya dijangka akan dikeluarkan pada November 2017.